

18 JUL 1998

Abdullah-Islam

KEJAYAAN KERAJAAN TERAP NILAI-NILAI ISLAM JADI TELADAN

KEPALA BATAS, 18 Julai (Bernama) -- Kejayaan kerajaan menerapkan nilai-nilai Islam dalam sistem pentadbiran, ekonomi dan kehidupan rakyat telah meningkatkan imej negara pada pandangan dunia.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi hari ini berkata, beberapa negara lain telah mengkaji dasar ini untuk diguna pakai di negara masing-masing setelah menyesuaikan dengan keadaan setempat.

Mereka mengkaji cara pelaksanaan dan pentadbiran beberapa institusi yang menerapkan nilai-nilai Islam, antaranya, Lembaga Tabung Haji, Bank Islam, sistem takaful, Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan skim amanah saham.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas menutup Seminar Penerapan Nilai-nilai Islam anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Biro Hal Ehwal Islam UMNO Kepala Batas di sini, beliau berkata, ini membuktikan bahawa nilai-nilai Islam diakui mampu membawa kemajuan dan kesejahteraan kepada manusia.

Agama Islam mengutamakan keselamatan, keamanan dan mengamalkan permuafakatan hidup dengan penganut-penganut agama lain dan ia boleh dijadikan teladan kepada masyarakat lain di dunia ini.

Ajaran Islam membawa kepada kebaikan dan kemajuan dan bukan membawa kepada amalan yang melampau dan ia juga menekankan kepada perlunya umat Islam mempunyai ilmu pengetahuan bagi memacu masyarakat Islam ke puncak kejayaan, katanya.

Abdullah yang juga anggota Parlimen kawasan Kepala Batas berkata, dasar penerapan nilai-nilai Islam ini diwujudkan dengan tujuan memajukan umat Islam di negara ini dan memastikan mereka melaksanakan ibadat dan amalan mengikut cara Islam yang sebenar.

Tanpa kejayaan yang dicapai oleh umat Islam dalam pelbagai bidang, Islam dan syiarnya tidak dapat ditingkatkan dan usaha itu hanya dianggap berjaya apabila umat Islam mencapai kemajuan ketika mengamalkan ajaran agama itu.

Pendekatan Islam dalam urusan pentadbiran yang diperkenalkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga tidak bertentangan dengan nilai-nilai universal seperti bekerja dengan cekap, amanah dan bertanggungjawab.

Abdullah berkata, ajaran Islam bukan sahaja menjadi pembimbing dalam mengendalikan kehidupan seharian malahan menjadi benteng untuk umatnya tidak melakukan sesuatu perkara yang tidak senonoh.

Beliau juga menasihati umat Islam supaya tidak menjadikan fitnah serta perasaan tamak dan haloba sebagai amalan hidup kerana ia boleh menghancurkan kekukuhan dan ketahanan umat serta ajaran Islam sendiri.

-- BERNAMA

ZU PR